

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah jawatan baru bagi Senator Orang Asli serta Ketua Pengarah JAKOA sudah dibuat pemilihan oleh pihak Kerajaan memandangkan kedua-dua jawatan tersebut akan tamat pada penghujung tahun ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang diPertua,**

Pada ketika ini terdapat dua (2) Senator di kalangan Orang Asli di Dewan Negara. Kedua-duanya akan tamat tempoh pelantikan pada tahun 2021 dan 2022. Pihak Kerajaan akan merancang pelantikan Ahli Dewan Negara bagi mewakili masyarakat Orang Asli sebelum tamat tempoh perkhidmatan Senator sedia ada.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kontrak sedia ada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) akan tamat pada 28 April 2021. Dalam hal ini, Kerajaan sedang menilai beberapa pilihan yang ada dalam membuat lantikan termasuk mempertimbangkan penganjutan kontrak Ketua Pengarah sedia ada.

Kerajaan berhasrat untuk mengangkat kedudukan masyarakat Orang Asli agar setanding dengan nilai-nilai kaum melihat akan pentingnya pemimpin yang mempunyai misi, visi yang jelas dan latar belakang yang meyakinkan di dalam mengemudi JAKOA agar dapat memastikan kesinambungan perancangan dan pelaksanaan dasar serta program-program pembangunan.

Sekian, terima kasih.